

Baik pulih haceri penyu

Sinar Harian 20/10/2018 m/s 36

Tangki rawatan
penyu di FRI yang
uzur perlu
perhatian segera

NURUL ZAILA
MOHD TAHIR

DUNGUN

K eadaan haceri kuarantin atau tangki rawatan penyu yang sangat uzur di Institusi Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang perlu dibaik pulih secara menyeluruh.

Ia bagi memastikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan terlindung itu lebih berkesan.

Ketua Cawangan Mammalia Marin FRI Rantau Abang Mohd Tamimi Ali Ahmad berkata, salah satu faktor menyebabkan keadaan tersebut kerana faktor kewa-



Peserta-peserta mengikuti gotong-royong pantai FRI Rantau Abang, di sini.

ngan dan peruntukan sedia ada tidak mampu menampung semua keperluan.

Menurutnya, beberapa lagi masalah turut menjadi kekangan untuk petugas FRI melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

"Untuk meningkatkan tahap kesihatan penyu, haceri kuarantin sedia ada perlu dinaik taraf.

"Bekalan makanan penyu seperti ikan laut perlu ditambah memandangkan peruntukan makanan tidak mencukupi setiap tahun.

"Kerosakan paip pam air laut setiap kali ombak besar telah merubah struktur pantai perlu diberi perhatian.

"Kita perlukan kos untuk menambah baik sistem pam air laut supaya strukturnya



Pelajar tahun akhir Sijil Perikanan Akademi Perikanan Malaysia ketika program Konservasi Penyu dan Spesis Marin Terancam.

lebih kukuh," katanya ketika program Konservasi Penyu dan Spesis Marin Terancam di FRI Rantau Abang, di sini.

Program tersebut disertai pelajar tahun akhir Sijil Perikanan Akademi Perikanan Malaysia.

Mohd Tamimi berkata, peserta mengadakan gotong-royong pantai FRI Rantau Abang iaitu salah satu kawa-

san persarangan penyu dari spesis Belimbing dan Agar.

"Sebanyak 350 kilogram sampah seperti botol, gabus, pukat, tali, pakaian, botol kaca dan lain-lain sampah sarap dapat dikumpul.

"Peserta juga membantu membersihkan Galeri Spesis Marin Terancam FRI Rantau Abang yang kini dalam proses pembinaan."

"Pada masa sama tata cara pemuliharaan dan penjagaan tiga spesies penyu Agar, Lipas dan Karah dalam haceri kuarantin juga diterapkan kepada semua pelajar," katanya.

Katanya, peserta berpeluang merasai sendiri pengalaman sebagai kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia yang sentiasa bersedia menjalankan kerja-kerja menyelamat spesies terancam tersebut.

"Peserta turut diberi taklimat Kesedaran Konservasi Penyu dan Spesis Marin Terancam serta diberi peluang berdialog.

"Menerusi sesi ini, peserta dapat merancang dan mencorak masa depan agar kelestarian penyu dan spesies marin terancam dikekalkan dengan lebih strategik.

"FRI Rantau Abang berharap lebih ramai diberi peluang memberi khidmat sosial di Jabatan Perikanan Malaysia khususnya," katanya.